

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa **Warganegara Malaysia** yang berumur tidak kurang dari 18 tahun semasa iklan ditutup serta berkelayakan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan berikut :-

### 1.1 NAMA JAWATAN

### JURUTERA (ELEKTRIK) GRED J41

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (b) Skim Perkhidmatan : Jurutera
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kejuruteraan
  
- (d) Jadual dan Gred Gaji J41: Gaji Minimum RM2360.00  
Gaji Maximum RM8743.00

### 1.2 SYARAT LANTIKAN

- (a) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan (Elektrik) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### 1.3 SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

- (a) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera (Elektrik) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurutera (Elektrik) Gred J41, apabila memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

### 1.4 KEKOSONGAN (1 Jawatan)

**2.1 NAMA JAWATAN : PEGAWAI EHWAL EKONOMI  
GRED E41**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(b) Skim Perkhidmatan : Pegawai Ehwai Ekonomi  
(c) Klasifikasi : Perkhidmatan Ekonomi  
(d) Jadual Dan Gred Gaji E41 : Gaji Minimum RM1914.00  
Gaji Maximum RM8649.00

**2.2 SYARAT LANTIKAN**

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: T1 RM1914.00);

- b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:T3RM 2117.57); atau

- c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi-intituti pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:T5 RM2321.99); atau

- d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:T8 RM2628.62): atau

- e) Ahli Penuh Badan-badan Iktisas Perakaunan yang diiktiraf Oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:T8 RM2628.62): atau
- f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:T9 RM2730.83): atau
- g) Ahli penuh Institut Akauntan Malaysia.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41:P1T10 RM2833.03):

Dan (h) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### 2.3 KEKOSONGAN JAWATAN : SATU (1 Jawatan)

#### 3.1 NAMA JAWATAN

**PEMBANTU TADBIR  
(PERKERANIAN/OPERASI)  
GRED N17**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi)
- (c) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
- (d) Jadual Dan Gred Gaji N17 : Gaji Minimum RM 928.00  
Gaji Maximum RM3375.00

### 3.2 SYARAT LANTIKAN

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

### 3.3 KEKOSONGAN (2 Jawatan)

#### 4.1 NAMA JAWATAN

#### PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Skim Perkhidmatan : Pegawai Khidmat Pelanggan
- (c) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
- (d) Jadual Dan Gred Gaji N17 : Gaji Minimum RM 928.00  
Gaji Maximum RM3375.00

### 4.2 SYARAT LANTIKAN

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;dan
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan  
  
(keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris dan mengendalikan komputer.

### 4.3 KEKOSONGAN (1 Jawatan)

## **5.1 NAMA JAWATAN**

## **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Skim Perkhidmatan : Penjaga Jentera Elektrik
- (c) Klasifikasi : Perkhidmatan Kejuruteraan
- (d) Jadual Dan Gred Gaji J17 : Gaji Minimum RM 953.00  
Gaji Maximum RM3490.00

## **5.2 SYARAT LANTIKAN**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J17 ditetapkan mengikut Kategori Siji Kekompetenan:

- A0/A1 : RM1318.41
- A4-2/A4-1/A4 ; RM1374.81
- B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1431.21

## **5.3 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

## **5.4 SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu Kenderaan/Operator Jentera Pemungkah KADA adalah layak

dipertimbangkan untuk peningkatan secara lantikan ke Jawatan Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 apabila telah disahkan dalam jawatan dan :

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 5.2(a) dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun: atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 : atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60: atau

#### 5.5 KEKOSONGAN (1 Jawatan)

#### 6.1 NAMA JAWATAN

#### PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Skim Perkhidmatan : Pembantu Kemahiran
- (c) Klasifikasi : Perkhidmatan Kejuruteraan
- (d) Jadual Dan Gred Gaji H17 : Gaji Minimum RM 953.00  
Gaji Maximum RM3490.00

#### 6.2 SYARAT LANTIKAN

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan (Elektrik/Kenderaan Motor/Perkayuan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

### **6.3 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki keupujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

### **6.4 SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu Kenderaan/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan untuk peningkatan secara lantikan ke Jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 apabila telah disahkan dalam jawatan dan ;

- (a)
  - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 6.2(a) atau 6.2(b) atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas: dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun: atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 : atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60: atau

### **6.5 KEKOSONGAN (12 Jawatan)**

## **7.1 NAMA JAWATAN**

## **PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (b) Skim Perkhidmatan : Pemandu Kenderaan
- (c) Klasifikasi : Perkhidmatan Kemahiran
- (d) Jadual Dan Gred Gaji H11 : Gaji Minimum RM 837.00  
Gaji Maximum RM2619.00

## **7.2 SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) {kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)}; dan
- (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini, Gaji permuialah pada Gred H11:
- Lesen D RM896.15
  - Lesen E/E1/E2 RM942.30
  - Lesen F/H RM988.45
  - Lesen G/I RM1,034.60

## **7.3 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

## **7.4 KEKOSONGAN (3 Jawatan)**



---

---

## **TARAF JAWATAN**

Semua jawatan di atas adalah bertaraf tetap

## **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DAN ELAUN**

Anggota yang dilantik layak menerima berbagai kemudahan yang sedang berkuatkuasa di dalam perkhidmatan Lembaga seperti berikut :-

- i) Pinjaman Perumahan
- ii) Pinjaman Komputer
- iii) Pinjaman Kenderaan
- iv) Rawatan percuma di hospital /klinik kerajaan / Doktor Panel
- v) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)Gred 41 – RM300.00,  
Gred 17 –RM115.00, Gred 1 – 16 RM95.00
- vi) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) /Gred 41 -RM 250.00,Gred 1 - 17 –RM180.00
- vii) Bantuan Sara Hidup(BSH) Dalam kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu RM250.00 dan di Luar Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu RM150.00
- viii) Lain-lain Kemudahan.

## **PERMOHONAN DARI PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Anggota-anggota yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.

## **CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN**

- a) Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang **LKPK 1**. Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun daripada laman web [www.kada.gov.my](http://www.kada.gov.my).
- (b) Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dan disertakan bersama-sama dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil kelahiran, Sijil-sijil Persekolahan, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil-sijil lain berkaitan yang telah disahkan sebelum atau pada **16 November 2014 (Ahad)**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

- (c) Semua permohonan hendaklah ditulis jawatan yang dipohon disebelah kiri bahagian atas sampul surat permohonan dan hendaklah dihantar ke alamat :-

Pengurus Besar  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu  
Peti Surat 127  
Jalan Datuk Lundang  
15710 Kota Bharu, Kelantan

(UP: Pengarah Bahagian Pengurusan)

- (d) Permohonan yang berikut akan ditolak :-
- i) Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
  - ii) Tidak Lengkap dan tidak jelas ;
  - iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan ;
  - iv) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Pengarah Bahagian/ Ketua Unit bagi pegawai yang sedang berkhidmat;
  - (v) Tidak ditandatangani.

**PANGGILAN TEMUDUGA :-**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas asas penapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- (b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam(6) bulan daripada tarikh iklan ini hendaklah menganggap yang permohonannya tidak berjaya.

